

25 MAY 1999

Mahathir-OIC

NEGARA ISLAM MESTI BERSATU SUPAYA SUARA DIDENGARI

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Negara-negara Islam mesti bersatu supaya didengari di peringkat dunia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita mempunyai negara berbeza yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tetapi saya terpaksa mengakui yang kita tidak bersatu malah tidak dapat bersuara dengan satu nada," katanya pada sesi dialog dengan perwakilan satu seminar antarabangsa mengenai Islam di sini.

Kata Dr Mahathir: "Sejak beberapa tahun lepas kita tidak menggunakan masa yang ada untuk cuba memperkuat diri kita, sebaliknya kita terlibat dalam perdebatan sesama sendiri yang tiada penghujungnya."

Dr Mahathir sebelum itu merasmikan seminar dua hari bertajuk "Peranan Peradaban Islam dalam Meningkatkan Kefahaman Antara Agama," anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama kedutaan Sepanyol di sini.

Menurutnya negara-negara Islam kini lemah dan patut mempersalahkan diri mereka sendiri atas kelemahan itu.

Dengan menyebut krisis semasa di Balkan, Perdana Menteri berkata Malaysia menyumbang tentera pengawal keamanan ke Bosnia Herzegovina di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan selepas itu menghantar 1,500 anggota untuk pasukan penguatkuasa keamanan - SFOR - di sana.

"Kita membiayai sendiri kosnya dan sehingga tugas itu selesai, kosnya berjumlah RM1 bilion," katanya.

"Tetapi kita bersedia melakukannya. Bagaimanapun yang lain tidak berapa bersedia, mungkin kerana mereka tidak mempunyai keupayaan, mungkin mereka boleh menyokong dengan menyediakan peruntukan, yang saya yakin mereka sedang lakukan untuk Kosovo sekarang."

Dr Mahathir juga berkata umat Islam masih memerlukan pembentukan negara Islam oleh Eropah walaupun konsep itu telah memecah-belahkan umat itu di seluruh dunia.

Menurutnya sementara Eropah menggunakan konsep itu untuk membolehkan mereka sendiri mara ke hadapan, negara Islam saling bunuh-membunuh dan bergaduh sesama sendiri.

-- BERNAMA

GM LAT